



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092 (467220-U)
Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

BUTIR BICARA

YB LOKE SIEW FOOK, MENTERI PENGANGKUTAN

Pengenalan Bas Diesel Baharu Rapid KL & Rapid Penang

Tarikh	:	14 Julai 2025 (Isnin)
Masa	:	10.30 pagi

Terima kasih tuan pengacara majlis,

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI MENJELANG HARI ACARA]

- Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
- Yang Berbahagia Datuk Azlan Shah Al Bakri, Ketua Pengarah, Agensi Pengangkutan Awam Darat
- Yang Berusaha En Mohd Azharuddin Mat Sah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Prasarana
- Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Mustafar Haji Ali, Pengerusi Rapid Bus



- Yang Berusaha Encik Amir Hamdan, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Operasi), Prasarana
- Yang Berusaha Dr Prodyut Dutt, Ketua Pegawai Operasi (Strategi & Pembangunan), Prasarana
- Pengurusan Tertinggi Prasarana serta Rapid Bus, dan rakan-rakan media

Selamat pagi, salam sejahtera and salam Malaysia Madani.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

1. Hari ini, kita menyaksikan pelancaran kumpulan terakhir 310 bas diesel oleh Prasarana Malaysia Berhad, di bawah Program Penggantian Bas 2025. Ini merupakan pembelian terakhir bas diesel oleh Prasarana, sejajar dengan komitmen kerajaan untuk beralih kepada sistem pengangkutan awam yang lebih lestari, mesra alam, dan rendah karbon.
2. Sebagai pengendali utama pengangkutan awam negara, Prasarana memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan bas dan tren yang selamat, cekap dan boleh dipercayai. Dengan kehadiran bas baharu ini, saya yakin mutu perkhidmatan akan terus dipertingkatkan untuk memberikan



keselesaian, keselamatan dan akses yang lebih baik kepada rakyat.

3. Program ini adalah sebahagian daripada strategi jangka panjang Prasarana untuk memperbaharui aset lama dan memperkukuh keupayaan operasi, selaras dengan aspirasi Kementerian Pengangkutan dan kerajaan Malaysia untuk memperkasa sistem pengangkutan awam.
4. Bas-bas diesel ini akan beroperasi secara berperingkat di laluan-laluan terpilih, terutamanya di kawasan berpenduduk padat dengan permintaan tinggi, bagi memastikan rakyat mendapat akses yang lebih kerap, mesra pengguna dan diyakini.

Hadirin sekalian,

5. Saya juga ingin memaklumkan bahawa kesemua 310 bas ini adalah dari jenama Higer, yang dipilih melalui penilaian menyeluruh berdasarkan kriteria teknikal, keselamatan dan kebolehpercayaan. Walaupun bas ini diimport dari China, semua komponen dipasang sepenuhnya di Johor, menyokong agenda pemindahan teknologi dan pembangunan industri automotif tempatan.



6. Manfaat program ini bukan sahaja dari segi teknikal, tetapi juga membangunkan kepakaran tempatan serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.
7. Bas-bas ini memenuhi piawaian pelepasan Euro 5, satu piawaian global yang ketat dalam kawalan pelepasan bahan pencemar, termasuk gas nitrogen oksida (NOx). Ini akan membantu meningkatkan kualiti udara, khususnya di kawasan bandar utama.
8. Walaupun hari ini kita meraikan pelancaran bas diesel baharu, kita juga sedang bersiap sedia untuk peralihan ke fasa seterusnya, iaitu penggunaan bas elektrik sepenuhnya menjelang tahun 2037. Penerimaan bas diesel ini bukan sahaja menambah aset tetapi menandakan permulaan fasa penutup kepada penggunaan bas diesel, membuka laluan ke sistem pengangkutan yang lebih hijau.
9. Kerajaan, melalui Kementerian Pengangkutan, komited dalam memastikan sektor pengangkutan awam negara terus maju dengan pendekatan mesra alam dan teknologi mampan. Ini selaras dengan komitmen Prasarana dalam mendukung matlamat Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 (LCMB).



Hadirin sekalian,

10. Saya amat berbangga dengan komitmen tinggi Prasarana dalam menyokong pelan-pelan ini secara strategik dan berkesan, termasuk dengan pembinaan fasiliti pengecasan, latihan teknikal dan penyelenggaraan yang giat dilaksanakan.
11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Prasarana dan Rapid Bus atas pencapaian ini dan persiapan mereka menuju transformasi sistem pengangkutan awam negara. Saya menyeru agar semua pihak, baik sektor awam mahupun swasta, untuk terus bekerjasama memartabatkan pengangkutan awam sebagai pilihan utama rakyat.
12. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak, saya yakin kita akan mewujudkan sistem pengangkutan awam yang efisien, inklusif dan mesra alam untuk masa depan negara dan generasi akan datang.

Terima kasih.

Sekian, terima kasih.

-TAMAT-

